



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM HAL EHWAL KESATUAN SEKERJA

Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) telah melaksanakan Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) yang sebelum ini dikenali sebagai Geran Pembangunan Kesatuan Sekerja (GPKS).

Objektif utama pelaksanaan PHEKS Tahun 2024 ini ialah untuk menyokong dan memantapkan pergerakan kesatuan sekerja melalui bantuan kewangan. Selain daripada itu juga, ianya diharapkan dapat mewujudkan platform pendidikan untuk meningkatkan tahap kemahiran kepimpinan anggota kesatuan melalui pembelajaran secara berterusan.

Pihak kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 3.3 juta bagi pelaksanaan PHEKS bagi tahun 2024 ini. Bagi merealisasikan faedah-faedah pelaksanaan ini dapat dikecapi oleh pihak kesatuan sekerja, maka pihak Jabatan telah **melaksanakan 6 inisiatif iaitu, Latihan dan Program Pendidikan, Kajian Pergerakan Kesatuan Sekerja, Penulisan Ilmiah Berkaitan Isu-isu Perburuhan Kesatuan Sekerja, Pembelian Peralatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Pembangunan Modul e-Learning Berbentuk Video Simulasi dan Pembelian Insurans Kelompok Kali Pertama.**

Di bawah inisiatif Latihan dan Program Pendidikan, peruntukan telah dinaikkan daripada RM10,000.00 kepada RM20,000.00 bagi setiap permohonan berikutan sambutan yang sangat menggalakkan pada tahun sebelumnya oleh pihak kesatuan sekerja. Walaubagaimanapun, setiap permohonan adalah tertakluk pada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan. Sebanyak 2 Jawatankuasa ditubuhkan bagi tujuan penilaian permohonan iaitu Jawatankuasa Teknikal PHEKS dan Jawatankuasa Panel Penilai/Pelulus PHEKS dalam melaksanakan program ini.

Bagi memastikan objektif pelaksanaan PHEKS ini dapat dicapai, pihak jabatan akan mempromosi program ini kepada semua kesatuan sekerja oleh Pejabat Negeri JHEKS di seluruh negara melalui sesi taklimat secara bersemuka dan pengiklanan di laman sesawang Jabatan iaitu jheks.mohr.gov.my. Sehubungan dengan itu, semua kesatuan sekerja disaran untuk merebut peluang menyertai inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan pada tahun ini.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
17 JANUARI 2024**